

Headline **35 masjid kendali kursus asas haji serentak**
Date **03 Mar 2011**
MediaTitle **Berita Harian (Johor)**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **4,5**
Article Size **489 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **12,869**
PRValue **38,607**



35 masjid kendali kursus asas haji serentak

SKUDAI: Sebanyak 35 masjid seluruh Johor dipilih mengendalikan kursus asas haji serentak untuk umat Islam yang bakal mengerjakan ibadat itu tahun ini, bermula semalam.

Pengurus Pentadbiran dan Haji, Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) Johor, Rahmat Baba berkata, kursus asas haji pada tahun ini anjuran bersama lembaga itu dengan Jabatan Agama Johor (JAJ) bagi memberi pendedahan awal dan panduan berhubung menunaikan ibadat haji dan umrah serta ibadat lain yang berkaitan.

Beliau berkata, kursus asas haji ini bukan saja bagi mereka yang sudah membuat pendaftaran haji, tetapi terbuka kepada semua umat Islam lain sebagai persediaan untuk mempelajari dan memahami ilmu ibadat itu terutama mereka yang terpilih dalam kuota menunaikan haji musim 1432 Hijrah ini.

"Sebanyak 17 Modul Kursus Asas Haji yang perlu diikuti oleh peserta merangkumi teori, praktikal ibadat haji serta berkaitan dengan pengurusan haji di samping penjagaan kesihatan.

"Modul yang disediakan mampu membantu bakal jemaah haji memperoleh pengetahuan, bermaklumat, berwibawa, berdisiplin serta berdikari dalam berusaha mendapatkan haji Mabrur," katanya selepas majlis perasmian Kursus Asas Haji tahun 2011, di Masjid Jamek Tan Sri Ainuddin Wahid Taman Uni-

versiti, di Taman Universiti di sini, semalam.

Majlis perasmian disempurnakan Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Agama Johor (JAJ), Ramly Yusof. Turut hadir, Timbalan Pengerusi Masjid Jamek Tan Sri Ainuddin Wahid Taman Universiti, Mohd Noor Salim dan Pembimbing Ibadat Haji, Mohd Noor Esmin.


Ramly berkata, lapan masjid sekitar Johor Bahru terpilih menjadi lokasi kursus haji termasuk Masjid Jamek Ijtihad Penyiaran 9, Pasir Gudang; Masjid Jamek Kampung Melayu Majidee; Masjid Jamek Bandar Baru UDA dan Masjid An Najah, Taman Daya, di sini.

Turut terpilih, Masjid Jamek Taman Perling, Masjid Jamek Al-Rahman, Taman Putri Kulaijaya, Masjid Jamek Tan Sri Ainuddin Wahid Taman Universiti dan Dewan Besar Kompleks Islam Iskandar.

Kursus akan diadakan setiap hari Ahad mulai jam 9 hingga 11 pagi, kecuali dua

lokasi iaitu Dewan Besar Pusat Islam Iskandar memulakan kursus pada jam 2.30 hingga 4.30 petang, manakala Masjid Jamek BBU bermula jam 9 hingga 11 malam.

Borang kursus boleh diperoleh daripada setiap Ahli Jawatankuasa (AJK) masjid terbabit dan setiap peserta dikenakan bayaran pendaftaran RM50 untuk mengikuti 17 siri kursus itu, manakala nota kursus haji dikenakan RM25.00. Bayaran perlu dijelaskan pada 6 Mac depan di tempat peserta kursus hadir.



Ramly Yusof

Headline **35 masjid kendali kursus asas haji serentak**
Date **03 Mar 2011**
MediaTitle **Berita Harian (Johor)**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **4,5**
Article Size **489 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **12,869**
PRValue **38,607**



SEBAHAGIAN daripada peserta Kursus Asas Haji 1432 Hijrah yang diadakan di Masjid Jamek Tan Sri Ainuddin Wahid Taman Universiti.

BERITA HARIAN